

05 SEP 1996

IRAN PUJI PETRONAS KERANA KERJASAMA MEDAN MINYAK SIRRI

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Iran hari ini memuji perbadanan minyak negara, Petronas, kerana bergabung dengan syarikat minyak Total dari Perancis bagi memajukan medan minyak Sirri A dan Sirri E di Teluk Parsi walaupun terdapat ancaman sekatan daripada Amerika Syarikat.

"Kami gembira Petronas mengambil keputusan berbuat demikian walaupun selepas sekatan AS diumumkan," kata Naib Presiden Iran, Dr Hamid Mirzadeh, yang kini sedang dalam lawatan tidak rasmi ke Malaysia selama tiga hari hingga Sabtu ini.

Total telah menandatangani satu kontrak untuk memajukan kedua medan minyak tersebut dalam kerjasama dengan Syarikat Minyak Negara Iran (NIOC) pada bulan Julai, 1995.

Akta Sekatan Iran-Libya, yang mengancam untuk mengenakan sekatan ke atas firma-firma bukan milik Amerika Syarikat yang melabur AS\$40 juta atau lebih setahun dalam sektor minyak dan gas di kedua-dua negara, telah ditandatangani oleh Presiden Bill Clinton pada 5 Ogos tahun ini. (AS\$1=RM2.4967).

Menurut sumber-sumber petroleum, rundingan di antara Total dan Petronas telah berlangsung lama sebelum sekatan tersebut diumumkan. Pada 19 Ogos, Total memberikan 30 peratus faedah kepada Petronas dalam satu projek pelaburan lima tahun bernilai AS\$600 juta bagi memajukan kedua-dua medan minyak itu.

Penglibatan Petronas di Iran, melalui anak syarikat milik penuhnya Petronas Carigali Overseas Sdn Bhd, telah menimbulkan tanda tanya di kalangan ahli politik dan pengusaha minyak memandangkan kemungkinan sekatan dikenakan oleh Amerika Syarikat.

Tetapi, ketika mengulas isu tersebut, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berhak membuat keputusannya sendiri sama ada hendak melabur di Iran atau tidak.

Bagaimanapun, Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur enggan mengulas penglibatan Petronas di Iran itu.

Menurut sumber-sumber, penglibatan Petronas di Teluk Parsi merupakan sebahagian daripada langkah-langkah pensejagatannya setelah bertapak di banyak negara Asia, Afrika, Australia dan Argentina.

Penceburan huluan di Iran ini merupakan kerjasama pertama Petronas dengan Total. Difahami, Total merupakan syarikat yang telah menarik diri daripada projek penapisan minyak bernilai AS\$1.2 bilion di Teluk Dung Quat di Vietnam dan sebuah konsortium merangkumi Petronas telah menggantikan tempat Total.

Konsortium Petronas dan Conoco Asia Ltd itu memegang 30 peratus kepentingan dalam projek tersebut, LG Chemical Ltd dari Korea Selatan dan Stone and Webster yang berpangkalan di AS memegang 30 peratus dan bakinya dipegang oleh firma Taiwan -- Chinese Petroleum Corp (CPC) dan China Investment & Development Company (CIDC).

Petronas juga dikatakan sebahagian daripada sebuah konsortium multinasional beserta dengan BHP dari Australia, Total dan Sumitomo dari Jepun yang terbabit dalam kontrak bagi memajukan medan minyak Dai Hung di Vietnam. -- BERNAMA

SHO KY/sia